A

Pendakwa Raya lwn Soo Tai Leng

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45–45 TAHUN 2002 (4)
AZAHAR MOHAMED PK
B 22 OGOS 2005

Acara Jenayah — Hukuman — Mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan bunuh — Sama ada terdapat faktor-faktor yang boleh meringankan sabitan

C *Acara Jenayah — Pendakwaan — Kes pendakwaan — Sama ada wujud kes 'prima facie' untuk kesalahan di bawah s 302 Kanun Keseksaan*

Acara Jenayah — Pertuduhan — Pindaan — Pindaan kepada pertuduhan oleh mahkamah dengan kewujudan kes 'prima facie' untuk kesalahan lain

D

Keterangan — Akuan nazak — Penerimaan — Sama ada boleh diterima — Pertimbangan yang diberikan oleh mahkamah

Keterangan — Keterangan ikut keadaan — Kesimpulan daripada fakta-fakta — Sama ada tertuduh yang menyebabkan kematian si mati

E

Undang-Undang Jenayah — Sama ada 'mens rea' untuk kesalahan di bawah s 302 Kanun Keseksaan wujud — Sama ada keraguan manfaat harus diberikan kepada tertuduh dalam keadaan kes ini — Kanun Keseksaan s 302

F Tertuduh telah dituduh dengan kesalahan bunuh di bawah s 302 Kanun Keseksaan (KK) kerana menyebabkan kematian bekas suaminya, Loh Shin Seng (si mati) pada 21 Jun 2001, lebih kurang pukul 6.30 petang di sebuah rumah bernombor 17 Jalan Mutiara 7, Taman Bertuah, Ulu Tiram, Johor Bahru, Johor. Mengikut kes pendakwaan, pada 21 Jun 2001 lebih kurang pukul 6.30
G petang satu pergaduhan telah berlaku di antara tertuduh dan si mati di rumah tersebut. Pergaduhan itu kemudian telah disusuli dengan kejadian di mana tertuduh menyimbah minyak petrol ke tubuh badan si mati dan menyalakan api sehingga menyebabkan tubuh badan si mati terbakar. Si mati telah memadamkan api tersebut dengan menjiruskan air ke badannya. Kemudian si mati telah pergi ke rumah Siew Hoon Sin (SP5), jiran sebelah dengan hanya memakai
H sehelai tuala untuk mendapatkan pertolongan. Si mati telah memberitahu SP5 apa yang telah berlaku. Seterusnya si mati telah meminjam telefon daripada SP5 untuk memberitahu ayahnya mengenai kejadian yang telah berlaku. Tidak berapa lama kemudian, Loh Shin Siong (SP6), adik kepada si mati telah sampai di tempat kejadian. SP6 terus membawa si mati ke Klinik London di Ulu
I Tiram. Dalam perjalanan, si mati telah memberitahu SP6 bahawa tertuduh telah menyiram petrol ke badannya dan terus membakarnya. Sesampai di klinik tersebut, doktor yang bertugas telah menasihatkan supaya si mati dihantar

keJohor Specialist Hospital untuk rawatan lanjut. Si mati kemudian telah dihantar ke hospital tersebut, di mana si mati telah dirawat oleh Dr Cheah Sin Hing (SP8). Rawatan si mati di Johor Specialist Hospital hanya untuk tempoh 12 jam sahaja. Atas kehendak keluarga si mati, pada keesokan hari iaitu pada 22 Jun 2001, si mati telah dihantar untuk rawatan seterusnya di Singapore General Hospital. Di situ, si mati telah meninggal dunia pada 2 Julai 2001, lebih kurang pukul 9.00 malam. Bedah siasat yang dilakukan oleh Dr Teo Eng Swee (SP9) mengesahkan sebab kematian sebagai 'septicaemia due to severe burns'. Peguambela tertuduh telah menegaskan bahawa tidak ada bukti yang mencukupi untuk membuktikan bahawa perbuatan tertuduh yang menyebabkan kematian si mati. Sebaliknya, Timbalan Pendakwaraya pula telah berhujah bahawa berdasarkan semua keterangan yang ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa perbuatan tertuduh yang menyebabkan kematian tersebut dan bahawa dalam keadaan kes ini tiada siapa yang lain yang menyebabkan kematian si mati, melainkan tertuduh sendiri. Mahkamah kemudiannya telah mendapati bahawa pendakwaan telah berjaya mewujudkan suatu kes prima facie untuk satu kesalahan lain di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan dan pertuduhan ke atas tertuduh telah dipinda. Tertuduh kemudiannya telah mengaku salah dan telah disabitkan terhadap pertuduhan terpinda tersebut. Seterusnya, peguambela tertuduh dalam rayuannya untuk meringankan hukuman tertuduh telah menyatakan bahawa: (a) tertuduh mengaku salah 'atthe first available opportunity' bagi kesalahan homisid salah yang tidak berjumlah kepada pembunuhan; (b) bagi kepentingan anak-anaknya tertuduh tinggal bersama si mati untuk menjaga mereka sungguhpun si mati kerap kali telah melakukan kekerasan fizikal terhadap tertuduh; (c) tertuduh telah menyesal atas perbuatannya itu dan memohon belas kasihan mahkamah dalam menjatuhkan hukuman. Pihak pendakwaraya pula dalam penghujahannya menyatakan: (a) tertuduh telah melakukan kesalahan yang serius kerana perbuatan tertuduh telah menyebabkan satu kematian; (b) mahkamah perlu juga mempertimbangkan kepentingan awam dalam menjatuhkan hukuman selain menimbangkan rayuan untuk meringankan hukuman sebagaimana yang telah dikemukakan oleh tertuduh.

Diputuskan, menjatuhkan hukuman penjara lapan tahun ke atas tertuduh dari tarikh ditangkap:

(1) Sungguhpun tidak ada keterangan secara terus (direct evidence) namun keterangan ikut keadaan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan membuktikan tanpa apa-apa keraguan bahawa tertuduh menyebabkan kematian bekas suaminya itu (lihat perenggan 7); *Idris v Public Prosecutor* [1960] MLJ 296 diikut.

(2) Setelah meneliti semua keadaan kes ini, adalah jelas kenyataan si mati kepada SP6 layak diterima sebagai bukti kerana ianya merupakan akuan nazak bagi maksud s 32(1)(a) Akta Keterangan 1950 (lihat perenggan 12).

(3) Testimoni SP6 juga diterima sebagai sesuatu yang benar bahawa si mati telah memberitahunya sebagaimana yang telah diperturunkan di sini. Tidak adanya sebab untuk SP6 mereka-reka keterangan ini. Sungguhpun akuan nazak tersebut telah diterima sebagai bukti namun pertimbangan berhati-hati perlu diberikan kepada bukti ini sebelum pergantungan boleh dibuat kepada kenyataan tersebut, memandangkan akuan nazak simati tidak dibuat di bawah sumpah dan tidak tertakluk kepada pemeriksaan-balas (lihat perenggan 12); *Ram Nath v State of Madhya Pradesh* AIR 1953 SC 42 diikut.

(4) Sungguhpun keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan mungkin boleh menimbulkan satu syak wasangka bahawa tertuduh mempunyai mens rea yang sewajarnya untuk membunuh bekas suaminya itu, namun keraguan manfaat harus dan hendaklah diberi kepada tertuduh memandangkan keadaan kes ini. Syak wasangka bukan keterangan dan tidak boleh dijadikan sebarang asas untuk mensabitkan tertuduh terhadap pertuduhan yang dikenakan ke atasnya. Manfaat keraguan perlu diberikan kepada tertuduh (lihat perenggan 19); *Balachandran v PP* [2005] 1 CLJ 85 diikut.

(5) Perbuatan tertuduh menyimbah minyak petrol ke tubuh badan si mati dan menyalakan api yang menyebabkan kebakaran pada badan si mati tidak dilakukan dengan niat untuk membunuh. Tertuduh tidak berniat hendak menyebabkan kecederaan tubuh badan si mati sebagaimana yang diketahui oleh tertuduh berkemungkinan menyebabkan kematian si mati. Perbuatan tertuduh itu tidak dibuat dengan niat untuk menyebabkan kecederaan kepada tubuh badan si mati yang mencukupi dalam keadaan biasa untuk menyebabkan kematian (lihat perenggan 20).

(6) Pihak pendakwaan gagal untuk membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh di bawah s 302 Kanun Keseksaan. Kesalahan di bawah s 302 Kanun Keseksaan dan juga s 304 Kanun Keseksaan memerlukan pembuktian niat dan pengetahuan untuk menyebabkan kematian. Namun apa yang membezakan kedua-dua peruntukan tersebut terletak pada tahap atau darjah kemungkinan atau kebarangkalian untuk menyebabkan kematian (lihat perenggan 21); *Balachandran v PP* [2005] 1 CLJ 85 dan *Tham Kai Yau v PP* [1977] 1 MLJ 174 diikut.

(7) Darjah kemungkinan atau kebarangkalian untuk menyebabkan kematian dalam kes ini tidak sampai pada tahap kesalahan bunuh di bawah s 302 Kanun Keseksaan (lihat perenggan 23); *Tham Kai Yau v PP* [1977] 1 MLJ 174 diikut.

(8) Pada penutup kes pendakwaan terdapat keterangan yang kukuh untuk menunjukkan bahawa perbuatan tertuduh itu telah dilakukan olehnya dengan niat hendak menyebabkan satu bencana tubuh yang mungkin menyebabkan kematian ke atas si mati. Dengan kata lain, darjah kemungkinan

atau kebarangkalian untuk menyebabkan kematian dalam kes ini sungguhpun tiada pada tahap kesalahan bunuh di bawah s 302 Kanun Keseksaan tetapi sebaliknya adalah mencukupi pada tahap kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan bunuh (lihat perenggan 26); *Tham Kai Yau v PP* [1977] 1 MLJ 174.

(9) Pihak pendakwaan di peringkat penutupan kes pendakwaan telah berjaya mewujudkan suatu kes prima facie terhadap tertuduh bagi kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan. Oleh yang demikian, pertuduhan asal terhadap tertuduh telah diperturunkan kepada kesalahan di bawah s 302(4) Kanun Keseksaan (lihat perenggan 26); *PP v Nik Mohd Nik Embong* [2004] 4 CLJ 426 diikut.

(10) Tertuduh telah melakukan perbuatan yang sedemikian akibat daripada emosinya yang tertekan dan perasaan marahnya terhadap si mati. Tertuduh juga telah mengaku salah apabila mahkamah meminda pertuduhan terhadapnya. Ini juga menunjukkan bahawa tertuduh telah benar-benar insaf di atas kesalahan yang telah dia lakukan. Hukuman yang sesuai dan wajar terhadap tertuduh dalam keadaan kes ini ialah penjara lapan tahun dari tarikh dia ditangkap (lihat perenggan 32); *Mohamed Jusoh bin Abdullah & Anor v Public Prosecutor* [1947] MLJ 130 diikut.

[**English summary**

The accused was charged for murder under s 302 of the Penal Code for causing the death of her ex-husband, Loh Shin Seng ('the deceased') on 21June 2001, at or about 6.30 pm in a house at No 17 Jalan Mutiara 7, Taman Bertuah, Ulu Tiram, Johor Bahru, Johor. According to the prosecution's case, on 21 June 2001 at or about 6.30 pm, there was a fight between the accused and the deceased at the said house. The fight then led to an incident where the accused splashed petrol on the body of the deceased and lit a fire, causing the deceased's body to burn. The deceased had put out the fire by dousing water on his body. The deceased then went to Siew Hoon Sin's (SP5) house, the next door neighbour, wearing just a towel to get help. The deceased told SP5 what had happened. The deceased then borrowed a telephone from SP5 to inform his father about the incident that had happened. Not long after that, Loh Shin Siong (SP6), the brother of the deceased, arrived at the place of the incident. SP6 then straightaway took the deceased to London Clinic at Ulu Tiram. On the way, the deceased told SP6 that the accused had splashed petrol on his body and set him alight. Upon arriving at the clinic, the doctor on duty had advised that the deceased be sent to the Johor Specialist Hospital for further treatment. The deceased was then sent to the said hospital, where the deceased was treated by Dr Cheah Sin Hing (SP8). The treatment given to the accused at the hospital was only for 12 hours. At the request of the family, on the next day, 22 June 2001, the deceased was sent for further treatment

at Singapore General Hospital. There, the deceased died on 2 July 2001, at or about 9.00 pm. The post mortem carried out by Dr Teo Eng Swee (SP9) confirmed the cause of death as 'septicaemia due to severe burns'. At the trial, counsel for the accused submitted that there was not enough evidence to prove that the act of the accused had caused the death of the deceased. Onthe other hand, the prosecution argued that based on all the evidence available, the prosecution had successfully proved that it was the act of the accused which caused the said death and that in this case, no one else had caused the death of the deceased, except the accused herself. The court then found that the prosecution had established a prima facie case for a different offence under s 304(a) of the Penal Code and the charge against the accused was then amended. The accused pleaded guilty on the amended charge and was sentenced. Counsel for the accused, in his plea in mitigation submitted that: (a) the accused had pleaded guilty 'at the first available opportunity' to an offence of culpable homicide not amounting to murder; (b) in the interest of the children, the accused lived with the deceased to look after them even though the deceased had often used physical force on the accused; (c) the accused was remorseful of her actions and sought for the court's compassion in passing a sentence. The prosecution in reply submitted that: (a) the accused had committed a serious offence as the act of the accused had caused a death; (b) the court had to consider public interest in passing a sentence besides considering the plea in mitigation as put forth by the accused.

Held, sentencing the accused to eight years imprisonment from the date of her arrest:

(1) Even though there was no direct evidence, the circumstantial evidence adduced by the prosecution proved without a doubt that the accused had caused the death of her ex-husband (see para 7); *Idris v Public Prosecutor* [1960] MLJ 296 followed.

(2) Upon scrutinising all the circumstances of this case, it was clear that the statement by the deceased to SP6 qualified to be accepted as proof as it was a dying declaration pursuant to s 32(1)(a) of the Evidence Act 1950 (see para 12).

(3) The testimony of SP6 was also accepted as the truth that the deceased had told him as stated herein. There was no reason for SP6 to create this evidence. Even though this dying declaration was accepted as proof, careful consideration of this evidence ought to be given before any reliance could be made on that statement, as the dying declaration of the deceased was not made under oath and not subjected to cross-examination (see para 12); *Ram Nath v State of Madhya Pradesh* AIR 1953 SC 42 followed.

(4) Even though the evidence put forward by the prosecution could raise a suspicion that the accused had the necessary *mens rea* to murder her

ex-husband, benefit of the doubt must and should be given to the accused based on the circumstances of this case. A suspicion is not evidence and cannot be made the basis for conviction of the accused on the charges against her (see para 19); *Balachandran v PP* [2005] 1 CLJ 85 followed.

(5) The acts of the accused by splashing petrol on the body of the deceased and lighting a fire, which set him alight, was not done with the intention to murder. The accused had no intention to cause injuries to the body of the deceased, known by the accused which could result in the death of the deceased. The acts of the accused was not done with the intention to cause enough injuries to the body of the deceased under normal circumstances which would result in death (see para 20).

(6) The prosecution had failed to establish a *prima facie* case against the accused under s 302 of the Penal Code. An offence under ss 302 and 304 of the Penal Code required a proof of intention and knowledge to cause death. However, what distinguishes the two provisions rests on the level or degree of likelihood or probability of causing death (see para 21); *Balachandran v PP* [2005] 1 CLJ 85 and *Tham Kai Yau v PP* [1977] 1 MLJ 174 followed.

(7) The degree of likelihood or probability of causing death in this case did not reach the degree of an offence for murder under s 302 of the Penal Code (see para 23); *Tham Kai Yau v PP* [1977] 1 MLJ 174 followed.

(8) At the close of the prosecution's case, there was strong evidence to show that the acts of the accused, was done by her with the intention to cause bodily harm which could result in the death of the deceased. In other words, the degree of likelihood or probability to cause death in this case, even though not at a degree of an offence for murder under s 302 of the Penal Code, was sufficient for the degree of offence of culpable homicide not amounting to murder (see para 26); *Tham Kai Yau v PP* [1977] 1 MLJ 174 followed.

(9) The prosecution at the close of the prosecution's case had succeeded in establishing a *prima facie* case against the accused for an offence which was punishable under s 304(a) of the Penal Code. As such, the original charge against the accused was reduced to an offence under s 304(a) of the Penal Code (see para 26); *PP v Nik Mohd Nik Embong* [2004] 4 CLJ 426.

(10) The accused had done such acts as a result of being emotionally pressured, together with the feeling of anger towards the deceased. The accused had also pleaded guilty when the charge against her was amended by the Court. This showed that the accused was truly remorseful of the offence which she had done. The appropriate sentence to be imposed on the accused, in the circumstances of this case, was imprisonment for eight years from the date of her arrest (see para 32); *Mohamed Jusoh bin Abdullah and Anor v Public Prosecutor* [1947] MLJ 130 followed.

Nota-nota

Untuk kes-kes berkenaan kes pendakwaan, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) perenggan 2807–2808.
Untuk kes-kes berkenaan pindaan pertuduhan, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) perenggan 994–996.
Untuk kes-kes berkenaan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan bunuh, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) perenggan 3933–3934.
Untuk kes-kes berkenaan kesimpulan daripada fakta-fakta, lihat 7 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan 568–570.
Untuk kes-kes berkenaan penerimaan akuan nazak, lihat 7 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan 1148–1150.

Kes-kes yang dirujuk

Balachandran v Public Prosecutor [2005] 2 MLJ 301 (diikut)
Idris v Public Prosecutor [1960] MLJ 296 (diikut)
Looi Kau Chai & Anor v Public Prosecutor [2003] 2 MLJ 65 (dirujuk)
Mohamed Jusoh bin Abdullah & Anor v Public Prosecutor [1947] MLJ 130 (diikut)
Public Prosecutor v Nik Mohd Nik Embong [2004] 4 CLJ 426 (dirujuk)
PP v Ravindran [1993] 1 MLJ 45 (dirujuk)
Ram Nath v State of Madhya Pradesh AIR 1953 SC 42 (dirujuk)
Rex v Kenneth John Ball 35 CrAppR 164 (dirujuk)
Tham Kai Yau v Public Prosecutor [1977] 1 MLJ 174 (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 32(1)(a)
Kanun Acara Jenayah s 158(1)
Kanun Keseksaan ss 299, 300(b), (c), (d), (3), 302, 304(a)

RK Menon (RK Menon & Co) bagi pihak tertuduh.
Valerie Evelyn Aran (Penasihat Undang-Undang Negeri Johor) bagi pihak pendakwaraya.

Azahar Mohamed PK:

[1] Tertuduh, Soo Tai Leng telah dituduh dengan kesalahan bunuh di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('KK') kerana menyebabkan kematian bekas suaminya, Loh Shin Seng (si mati) pada 21 Jun 2001, jam lebih kurang 6.30 petang di sebuah rumah bernombor 17 Jalan Mutiara 7, Taman Bertuah, Ulu Tiram, Johor Bahru, Johor. Butir-butir pertuduhan terhadap tertuduh berbunyi seperti yang berikut:

> Bahawa kamu pada 21 Jun 2001, jam lebih kurang 6.30 petang, di rumah alamat No 17, Jalan Mutiara 7, Taman Bertuah, Ulu Tiram di dalam daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor Darul Ta'zim, telah melakukan kesalahan bunuh dengan

menyebabkan kematian penama Loh Shin Seng, No K/P: A0404858 dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.

[2] Mengikut kes pendakwaan, pada 21 Jun 2001 jam lebih kurang 6.30 petang satu pergaduhan telah berlaku di antara tertuduh dan si mati di rumah tersebut. Sungguhpun pada masa yang berkenaan tertuduh dan si mati telah bercerai namun atas permintaan si mati, tertuduh terus tinggal di rumah tersebut yang dimiliki oleh si mati bagi menjaga dan memelihara ketiga-tiga anak mereka. Pada masa itu Loh Kok Chun (SP4), anak sulung mereka yang pada ketika itu berumur 11 tahun serta dua orang adiknya berada dalam rumah tersebut. Pergaduhan itu kemudian telah disusuli dengan kejadian di mana tertuduh menyimbah minyak petrol ke tubuh badan si mati dan menyalakan api sehingga menyebabkan tubuh badan si mati terbakar. Si mati telah memadamkan api tersebut dengan menjiruskan air ke badannya. Kemudian si mati telah pergi ke rumah Siew Hoon Sin (SP5), jiran sebelah dengan hanya memakai sehelai tuala untuk mendapatkan pertolongan. Si mati telah memberitahu SP5 apa yang telah berlaku. Seterusnya si mati telah meminjam telefon daripada SP5 untuk memberitahu ayahnya mengenai kejadian yang telah berlaku. Tidak berapa lama kemudian, Loh Shin Siong (SP6), adik kepada si mati telah sampai di tempat kejadian. SP6 terus membawa si mati ke Klinik London di Ulu Tiram. Dalam perjalanan si mati telah memberitahu SP6 bahawa *tertuduh telah menyiram petrol ke badannya dan terus membakarnya.* Sesampai di klinik tersebut, doktor yang bertugas telah menasihatkan supaya si mati dihantar ke Johor Specialist Hospital untuk rawatan lanjut. Si mati kemudian telah dihantar ke hospital tersebut,di mana si mati telah dirawat oleh Dr Cheah Sin Hing (SP8). Rawatan si mati di Johor Specialist Hospital hanya untuk tempoh 12 jam sahaja. Atas kehendak keluarga si mati, pada keesokan hari, 22 Jun 2001 si mati telah dihantar untuk rawatan seterusnya di Singapore General Hospital. Di situ, si mati telah meninggal dunia pada 2 Julai 2001, jam lebih kurang 9.00 malam. Bedah siasat yang dilakukan oleh Dr Teo Eng Swee (SP9) mengesahkan sebab kematian sebagai *'septicaemia due to severe burns'*. Itu adalah ringkasan kes pendakwaan terhadap tertuduh.

[3] Untuk membuktikan kes *prima facie* di bawah s 302 KK pada penutup kes pendakwaan terhadap tertuduh, pihak pendakwaan mestilah membuktikan semua elemen penting yang berikut:

(1) si mati telah meninggal dunia;

(2) kematian si mati disebabkan oleh perbuatan tertuduh;

(3)

(a) tindakan tertuduh yang menyebabkan kematian si mati itu dilakukan dengan niat untuk menyebabkan kematian, atau;

(b) tindakan tertuduh itu dibuat dengan niat untuk menyebabkan kecederaan tubuh badan si mati sebagaimana yang diketahui oleh tertuduh berkemungkinan menyebabkan kematian si mati yang dikenakan kecederaan itu, atau;

(c) tindakan tertuduh dibuat dengan niat untuk menyebabkan kecederaan tubuh badan si mati dan kecederaan tubuh badan itu adalah mencukupi dalam keadaan biasa untuk menyebabkan kematian, atau;

(d) tertuduh mengetahui bahawa perbuatannya adalah sangat ketara merbahaya sehinggakan ia berkemungkinan akan menyebabkan kematian, dan tertuduh melakukan tindakan tersebut tanpa sebarang alasan untuk mengambil risiko menyebabkan kematian atau kecederaan seperti yang dinyatakan.

[4] Di hadapan saya, tentang elemen pertama, En RK Menon, peguam yang bijaksana yang mewakili tertuduh tidak mempertikaikan bahawa si mati telah meninggal dunia disebabkan oleh *'septicaemia due to severe burns'*. Dengan yang demikian, saya berpuas hati bahawa elemen ini telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

[5] Sekarang saya beralih membincangkan elemen kedua iaitu sama ada kematian si mati disebabkan oleh perbuatan tertuduh. Elemen penting ini adalah berkaitan dengan isu *actus reus*. En RK Menon telah menegaskan bahawa tidak ada bukti yang mencukupi untuk membuktikan bahawa perbuatan tertuduhlah yang menyebabkan kematian si mati. Sebaliknya, PnValerie Evelyn Aran, TPR yang bijaksana telah menghujahkan bahawa berdasarkan semua keterangan yang ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa perbuatan tertuduh yang menyebabkan kematian tersebut. Beliau menambah kata bahawa dalam keadaan kes ini tiada siapa lain menyebabkan kematian si mati, melainkan tertuduh sendiri.

[6] Memang benar dalam kes ini tidak terdapat saksi yang tampil kehadapan untuk memberi keterangan bagaimana si mati mengalami kebakaran pada tubuh badannya sehingga menyebabkan si mati kemudian meninggal dunia. Walau bagaimanapun, keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan jelas menunjukkan bahawa pada hari yang berkenaan iaitu 21 Jun 2001, hanya tertuduh dan si mati berserta tiga orang anak mereka berada di rumah tersebut. Keterangan ini datangnya daripada testimoni SP4 yang telah memberi keterangan bahawa pada hari tersebut telah berlaku pergaduhan di antara si mati dan tertuduh. Apabila beliau nampak pergaduhan tersebut, SP4 telah membawa kedua-dua adiknya masuk ke dalam bilik dan kemudian sewaktu keluar dari bilik tersebut beliau nampak badan si mati dalam keadaan terbakar. Pada masa itu SP4 hanya nampak tertuduh sahaja berada dalam rumah tersebut. SP4 mengesahkan tiada orang lain berada dalam ataupun di luar rumah pada masa itu. SP4 juga nampak si mati cuba untuk memadamkan api dengan menyimbah air ke badannya. Sewaktu semua ini berlaku, tertuduh ada bersama di situ

tetapi dia tidak membuat sebarang tindakan untuk membantu si mati memadamkan api tersebut. Sungguhpun terdapat sedikit percanggahan dan ketakkonsisten dalam keterangan SP4, namun pada pandangan saya, ini tidak bermakna semua keterangan beliau tidak boleh diterima langsung. Saya memahami keadaan yang dialami oleh saksi ini yang dikehendaki memberi keterangan terhadap ibunya sendiri mengenai kematian ayahnya. Saya mempercayai dan menerima keterangan SP4 mengenai apa yang berlaku pada masa yang berkenaan yang telah saya bentangkan sebentar tadi. Atas sebab tersebut dan ditambah pula oleh hakikat bahawa si mati telah pergi ke rumah SP5, jiran sebelah rumahnya untuk meminta pertolongan, saya berpuas hati bahawa keterangan ikut keadaan *(circumstantial evidence)* jelas menunjukkan bahawa tertuduh yang menyimbah minyak petrol ke badan si mati dan menyalakan api sehingga menyebabkan bahagian tubuh badan si mati mengalami kebakaran. Dengan berlatarbelakangkan faktor ini, saya menolak sama sekali kemungkinan bahawa si mati sendiri yang membakar dirinya. Selain itu, saya juga telah menimbangkan bentuk kecederaan yang dialami oleh si mati. Apa yang hendak saya nyatakan ialah keadaan kes ini sebelum dan selepas kejadian yang tidak dapat dipertikaikan jelas menunjukkan bahawa tertuduh terlibat secara langsung menyebabkan kematian si mati. Dalam hubungan ini, saya bergantung kepada keputusan kes *Idris v Public Prosecutor* [1960] MLJ 296. Dalam kes tersebut, tertuduh yang terbabit didapati bersalah dan dihukum mati oleh Mahkamah Tinggi kerana kesalahan membunuh bekas isterinya. Keterangan terhadap tertuduh tersebut hanya berasaskan keterangan ikut keadaan. Mahkamah Rayuan pada ketika itu telah menolak rayuan tertuduh dan tentang keterangan ikut keadaan, mahkamah itu berkata seperti yang berikut:

> Circumstantial evidence should be such that when you look at all the surrounding circumstances, you find such a series of undersigned, unexpected coincidences that, as a reasonable person, you find your judgment is compelled to one conclusion. If the circumstantial evidence is such as to fall short of that standard, if it does not satisfy that test, if it leaves gaps then it is of no use at all. In this case the circumstantial evidence pointed conclusively to the accused's guilt.

[7] Selaras dengan autoriti tersebut, saya menerima penghujahan TPR yang bijaksana bahawa elemen yang kedua ini telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Kesimpulan yang tidak dapat dibendung adalah sungguhpun tidak ada keterangan secara terus *(direct evidence)* namun keterangan ikut keadaan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan membuktikan tanpa apa-apa keraguan bahawa tertuduh menyebabkan kematian bekas suaminya itu.

[8] Pada peringkat ini saya kira perlu bagi saya untuk merujuk kepada testimoni SP6, di mana sewaktu pemeriksaan-utama saksi ini telah, antara lain, menyatakan:

> Saya hantar abang saya ke Klinik London, Ulu Tiram. Dalam perjalanan ke klinik saya ada berbual dengan abang saya. Abang saya beritahu tertuduh yang membakarnya.

Saya tanya apa sebab tertuduh hendak bakarnya. Abang saya jawab tertuduh hendak pinjam kereta tetapi abang saya tidak benarkan.

Abang saya ada beritahu saya cara tertuduh membakarnya. Abang saya beritahu sewaktu beliau keluar daripada bilik air, tertuduh telah menyiram petrol ke badannya dan terus membakarnya. Abang saya tidak beritahu macam mana tertuduh membakarnya.

[9] Maka persoalan asasnya di sini ialah tentang isu kebolehterimaan kenyataan si mati kepada SP6 itu sebagai bukti. Untuk layak sebagai akuan nazak *(dying declaration)* di bawah undang-undang dan diterima sebagai bukti, kenyataan si mati mesti berkaitan dengan sama ada sebab kematian atau keadaan-keadaan transaksi yang menyebabkan kematian sebagaimana yang diperuntukkan dalam s 32(1)(a) Akta Keterangan 1950 yang berbunyi seperti berikut:

Statements, written or verbal, or relevant facts made by a person who is dead or who cannot be found, or who has become incapable of giving evidence, or whose attendance cannot be procured without an amount of delay or expense which under the circumstances of the case appears to the court unreasonable, are themselves relevant facts in the following cases:

(a) when the statement is made by a person as to the cause of his death, or as to any of the circumstances of the transaction which resulted in his death, in cases in which the cause of that person's death comes into question.

[10] Sudah banyak yang diperkatakan tentang topik mengenai akuan nazak. Memadai sekiranya saya merujuk buku *Evidence Practice and Procedure* (Edisi Ketiga) di mana penulisnya Augustine Paul di halaman 329 membincangkan peruntukan yang di atas seperti berikut:

For a statement to be admissible under this paragraph it must either relate to the cause of the maker's death or to the circumstances of the transaction which led to his death. In this respect the scope of the paragraph is wider than the English common law where a dying declaration must relate exclusively to the cause of death itself.

[11] Selanjutnya di halaman 332, Augustine Paul menulis seperti yang berikut:

Unlike the common law of England this section renders a statement relevant whether the person who made it was or was not at the time when it was made under expectation of death.

[12] Pada hemat saya, setelah meneliti semua keadaan kes ini, adalah jelas kenyataan si mati kepada SP6 sebagaimana yang telah saya perturunkan di atas layak diterima sebagai bukti kerana ianya merupakan akuan nazak bagi maksud s 32(1)(a) Akta Keterangan 1950. Saya memutuskan sedemikian kerana kenyataan si mati kepada SP6 bahawa 'tertuduh telah menyiram petrol ke badannya dan terus membakarnya' adalah sememangnya berkaitan dengan

sebab kematian si mati yang telah disahkan oleh SP9 sebagai 'septicaemia due to severe burns'. Dalam hubungan ini, saya ingin menyatakan di sini bahawa saya juga menerima testimoni SP6 sebagai sesuatu yang benar bahawa si mati telah memberitahunya sebagaimana yang telah saya perturunkan di atas. Saya tidak melihat adanya sebab untuk SP6 mereka-reka keterangan ini. Sungguhpun akuan nazak tersebut telah saya terima sebagai bukti namun adalah menjadi kewajipan saya untuk memberi pertimbangan berhati-hati kepada bukti ini sebelum saya boleh bergantung kepada kenyataan tersebut, memandangkan akuan nazak si mati tidak dibuat di bawah sumpah dan tidak tertakluk kepada pemeriksaan-balas. Sekali lagi, dalam hubungan ini, Augustine Paul dalam bukunya yang saya telah rujuk sebelum ini di halaman 332 menegaskan:

> Since the dying declaration does not depend on the common law test of the deceased having been in a settled hopeless expectation of death its weight is less.

[13] Malahan, dalam kes *Ram Nath v State of Madhya Pradesh* AIR 1953 SC 42 Mahkamah Agung di India memutuskan di halaman 423 seperti berikut:

> It is settled law that it is not safe to convict an accused person merely on the evidence of a dying declaration without further corroboration because such a statement is not made on oath and is not subject to cross-examination and because the maker of it may be mentally and physically in a state of confusion and may well be drawing upon his imagination while he is making the declaration. It is in this light that the different dying declarations made by the deceased and sought to be proved in the case have to be considered.

[14] Dalam kes ini, saya ingin menegaskan dan menekankan bahawa saya sudahpun berpuashati tanpa apa-apa keraguan bahawa tertuduh yang menyebabkan kematian si mati berdasarkan keterangan ikut keadaan yang telahpun saya huraikan di atas. Saya ingin menambah kata bahawa keputusan ini saya capai tanpa bergantung kepada akuan nazak si mati tersebut. Dengan hal yang demikian, saya ingin menyatakan bahawa saya hanya memberi sedikit sahaja pertimbangan ke atsa akuan nazak si mati tersebut.

[15] Kini, saya beralih untuk mempertimbangkan elemen ketiga yang terpenting iaitu berkaitan dengan isu '*mens rea*' sama ada tertuduh mempunyai niat atau pengetahuan yang sewajarnya mengikut undang-undang untuk membuktikan tertuduh telah melakukan kesalahan membunuh. Sebelum saya menyentuh elemen ini, saya ingin merujuk kepada kes *Looi Kau Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65, di mana Mahkamah Rayuan telah memperkenalkan prinsip bagaimana sesuatu kes *prima facie* perlu ditentukan. Mahkamah Rayuan telah memberikan satu garis panduan dengan memakai ujian sama ada mahkamah boleh mensabitkan seseorang tertuduh terhadap pertuduhan yang dikenakan itu berlandaskan keterangan pendakwaan yang telah dibentangkan di peringkat penutupan kes pendakwaan. Jika boleh, maka kes *prima facie* telah dibuktikan dan tertuduh hendaklah dipanggil untuk membela dirinya terhadap pertuduhan yang berkenaan. Ini bermakna mahkamah

perlu membuat satu penilaian maksimum terhadap keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan di peringkat penutupan kes pendakwaan. Oleh sebab itu, sebagaimana yang telah diputuskan dalam kes *Looi Kau Chai*, saya perlu menyoal pada diri saya sendiri sama ada dengan keterangan yang dibentangkan oleh pihak pendakwaan sehingga kini, tertuduh boleh disabitkan dengan kesalahan bunuh di bawah s 302 KK, lebih-lebih lagi jika dipanggil untuk membela diri, tertuduh memilih untuk berdiam diri.

[16] Dalam hubungan ini, Puan Valerie telah berhujah bahawa elemen ketiga ini telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Untuk tujuan itu, beliau telah bersandarkan kepada hakikat bahawa perbuatan tertuduh menyerah diri di Balai Polis Ulu Tiram membuktikan, memetik kata-katanya, *'guilty mind',* Puan Valerie juga telah merujuk kepada testimoni SP4 bahawa tertuduh tidak cuba melakukan sesuatu bagi membantu si mati yang mengalami kebakaran pada dirinya. Seterusnya, 'beliau juga telah merujuk kepada testimoni SP15 mengenai tertuduh telah menunjukkan kepada pihak polis beberapa eksibit yang mana eksibit-eksibit itu mempunyai kesan minyak petrol. Saya telah memberi penumpuan dan perhatian yang terperinci kepada isu *mens rea* ini, dan sebagaimana yang telah saya katakan sebentar tadi, tugas saya adalah untuk menentukan sama ada keterangan yang dibentangkan oleh pihak pendakwaan pada peringkat ini boleh menyabitkan tertuduh bagi kesalahan membunuh di bawah s 302 KK, lebih-lebih lagi jika dipanggil untuk membela diri, dia memilih untuk berdiam diri. *Mens rea* tertuduh adalah sesuatu yang tidak dapat dilihat oleh sesiapa. Walau bagaimanapun niat dan pengetahuan dapat ditentukan dengan melihat kepada perbuatan serta tindak tanduk tertuduh dan hal keadaan sekeliling kes ini. Niat atau pengetahuan yang sewajarnya yang menjadi elemen penting bagi kesalahan s 302 KK sebagaimana yang saya huraikan di atas perlu dibuktikan tanpa keraguan munasabah. Dengan ini, nyata dan jelas undang-undang menghendaki dibuktikan satu niat atau pengetahuan tertuduh yang nyata untuk membunuh si mati bagi pertuduhan yang dikenakan ke atasnya. Saya sedar niat boleh terbentuk serta merta tanpa sebarang rancangan untuk membunuh. Dalam menentukan niat dan pengetahuan tertuduh, mahkamah juga melihat kecederaan yang dialami oleh si mati serta alat ataupun senjata yang digunakan oleh tertuduh.

[17] Pada pandangan saya dalam menentukan isu mengenai elemen yang ketiga ini, semua keadaan serta fakta dan aspek yang berikut adalah relevan dipertimbangkan secara keseluruhannya:

(1) Kejadian ini berlaku pada jam lebih kurang 6.30 petang di mana pada ketika itu ketiga-tiga anak si mati dan tertuduh berada di dalam rumah.

(2) Pergaduhan telah berlaku antara si mati dan tertuduh sebelum kejadian ini berlaku. Menurut SP4 beliau mengetahui bahawa tertuduh telah dipukul oleh si mati. Jiran si mati, SP5 terdengar jeritan anak-anak si mati, *'jangan, jangan',* yang beliau menganggap pada masa itu si mati memukul anaknya.

(3) Sungguhpun si mati mengalami kebakaran pada tubuh badannya, si mati masih boleh memadamkan api dengan menjiruskan air ke tubuhnya. Tidak lama kemudian si mati pergi ke rumah SP5 untuk mendapatkan pertolongan.

(4) Tertuduh tidak cuba melarikan dari tempat kejadian setelah peristiwa ini berlaku. Malahan menurut SP6 sewaktu beliau membawa si mati keKlinik London, Ulu Tiram beliau nampak tertuduh berdiri di luar pintu pagar rumah tersebut.

(5) Menurut Kpl 103268 Mohd Mansor bin Hj Johar (SP7), anggota polis yang bertugas di pejabat pertanyaan, Balai Polis Ulu Tiram, pada jam 7 malam tertuduh telah datang ke Balai Polis bersama kakaknya dan menyerah diri kepada pihak polis.

(6) Menurut SP6, dalam perjalanan ke Klinik London di Ulu Tiram, si mati masih lagi berupaya dan dalam keadaan sedar untuk menceritakan kepada beliau apa yang telah berlaku.

(7) Si mati telah dihantar dan dirawat di Johor Specialist Hospital. Menurut SP8, seorang juruperunding pakar bedah, sewaktu beliau merawat si mati pada lebih kurang 7.45 malam 21 Jun 2001 beliau mendapati si mati mengalami *a total area of 52% burns of his face, neck, anterior/posterior trunk, both upper limbs, both lower limbs and buttock.*

(8) Menurut SP8 sungguhpun kecederaan yang dialami oleh si mati itu adalah serius, namun ianya boleh dirawat di hospital pakar tersebut. Menurut SP8 setelah keadaan si mati telah distabilkan, persediaan telah dibuat untuk menghantar si mati ke Singapore General Hospital pada 22 Jun 2001 atas kehendak keluarga si mati. Si mati hanya dirawat selama 12 jam di Johor Specialist Hospital.

(9) Kemudiannya, si mati telah dirawat di Singapore General Hospital. Menurut Dr Ong Yee Siang (SP19), seorang pegawai perubatan di Singapore General Hospital yang mula-mula sekali merawat si mati beliau mendapati si mati mengalami *70% burns. An immediate escharotomy was done on the day of admission for his abdomen and left lower limb. He underwent further surgery on 27 Jun 2001 to excise and graft the wounds on the left lower limb. Despite supportive therapy, his condition deteriorated gradually, needing ventilory support for his breathing and inotropic support to maintain his blood pressure. He had full-blown sepsis and finally succumbed to it on 2 July 2001.*

(10) Dua belas hari selepas mengalami kecederaan tersebut, si mati meninggal dunia pada 2 Julai 2001.

(11) SP9 yang menjalankan bedah siasat terhadap si mati pada 3 Julai 2001, jam 9.30 pagi telah mengesahkan sebab kematian sebagai *septicaemia, due to severe burns.*

[18] Peristiwa yang malang ini berlaku sewaktu ketiga-tiga anak mereka berada di dalam rumah. Meskipun saya sedar perbuatan tertuduh itu merbahaya dan terdapatnya unsur-unsur perancangan, namun keadaan menunjukkan kejadian ini berlaku sejurus selepas berlakunya pergaduhan di antara si mati dan tertuduh. Berdasarkan testimoni SP4 dan SP5, saya cenderung untuk membuat kesimpulan bahawa tertuduh telah dipukul oleh si mati sebelum tertuduh menyimbah minyak petrol ke badan si mati dan menyalakan api. Walau bagaimanapun, ini tidak boleh dijadikan satu pembelaan sepenuhnya menurut undang-undang bagi perbuatan tertuduh itu. Namun, pada pandangan saya, ianya perlu diambil kira dalam menentukan *mens rea* tertuduh pada masa yang berkenaan. Memang tidak dipertikaikan bahawa tertuduh tidak cuba melarikan diri setelah dia melakukan perbuatan tersebut. Hakikat ini tidak membantu pihak pendakwaan untuk membuktikan niat tertuduh pada masa yang berkenaan sebenarnya ialah untuk membunuh bekas suaminya. Lagi pula, pada pandangan saya, adalah penting untuk mempertimbangkan bahawa selang masa di antara perbuatan tertuduh dengan kematian si mati agak lama iaitu 12 hari. Di samping itu, SP8 juga telah memberi keterangan pakarnya dengan menyatakan bahawa walaupun kecederaan itu adalah serius namun ianya boleh dirawat di hospital pakar tersebut. Tambahan pula, SP8 telah memberi keterangan bahawa keadaan si mati telah distabilkan sebelum si mati dihantar ke Singapore General Hospital. Beliau seterusnya menyatakan bahawa perbuatan si mati menyiram air k etubuhnya yang terbakar menjadikan kecederaan tersebut bertambah teruk tetepi beliau mengakui perbuatan sedemikian adalah tindakbalas yang biasa yang dilakukan oleh seseorang yang mengalami keadaan sedemikian. Pandangan SP8 ini agak berbeza sedikit dengan keterangan SP9 dan SP10. Kedua-dua saksi ini menyatakan bahawa menyimbah air kebahagian yang terbakar boleh mengurangkan kesakitan dan tidak menjadikan kecederaan itu bertambah teruk. Dalam hubungan ini, saya mendapati keterangan SP8 adalah penting kerana beliau adalah pakar yang mula-mula sekali merawat tertuduh. SP8 adalah dalam situasi dan keadaan yang lebih baik untuk membuat penilaian ke atas si mati pada masa yang berkenaan. Oleh sebab itu, saya lebih cenderung untuk menerima keterangan SP8 daripada keterangan SP9 dan SP10 mengenai perkara ini.

[19] Pada hemat saya, sungguhpun keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan mungkin boleh menimbulkan satu syak wasangka bahawa tertuduh mempunyai *mens rea* yang sewajarnya untuk membunuh bekas suaminya itu namun keraguan manfaat harus dan hendaklah diberi kepada tertuduh memandangkan keadaan kes ini. Syak wasangka bukan keterangan dan tidak boleh dijadikan sebarang asas untuk mensabitkan tertuduh terhadap pertuduhan yang dikenakan ke atasnya. Manfaat keraguan, pada hemat saya, perlu diberikan kepada tertuduh. Dalam hubungan ini, saya ingin merujuk kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301 di mana Yang Arif Augustine Paul HMR (ketika itu) dalam menyampaikan keputusan Mahkamah Persekutuan mengingatkan kita tentang tahap pembuktian pada penutup kes pendakwaan. Inilah apa yang dikatakan oleh hakim yang arif itu:

The test at the close of the case for the prosecution would therefore be: Is the evidence sufficient to convict the accused if he elects to remain silent? If the answer is in the affirmative then a prima facie case has been made out. This must, as of necessity, require a consideration of the existence of any reasonable doubt in the case for the prosecution. If there is any such doubt there can be no prima facie case.

[20] Setelah mempertimbangkan secara keseluruhannya dengan teliti semua keadaan serta keterangan dan pelbagai aspek yang dihuraikan sebentar tadi, pada hemat saya perbuatan tertuduh menyimbah minyak petrol ke tubuh badan si mati dan menyalakan api yang menyebabkan kebakaran pada badan si mati tidak dilakukan dengan niat untuk membunuh. Pada hemat saya juga tertuduh tidak berniat hendak menyebabkan kecederaan tubuh badan si mati sebagaimana yang diketahui oleh tertuduh berkemungkinan menyebabkan kematian si mati. Saya juga tidak fikir perbuatan tertuduh itu dibuat dengan niat untuk menyebabkan kecederaan kepada tubuh badan si mati yang mencukupi dalam keadaan biasa untuk menyebabkan kematian.

[21] Dengan yang demikian, atas sebab-sebab yang dinyatakan di atas, saya memutuskan bahawa pihak pendakwaan gagal untuk membuktikan kes *prima facie* terhadap tetuduh di bawah s 302 KK. Dalam hubungan ini, saya ingin menambah kata bahawa kesalahan di bawah s 302 KK dan juga s 304 KK memerlukan pembuktian niat dan pengetahuan untuk menyebabkan kematian. Namun apa yang membezakan kedua-dua peruntukan tersebut terletak pada tahap atau darjah kemungkinan atau kebarangkalian untuk menyebabkan kematian. Hakim Mahkamah Persekutuan Raja Azlan Shah (sebagaimana baginda pada masa itu) menjelaskan dalam kes *Tham Kai Yau v Public Prosecutor* [1977] 1 MLJ 174 bahawa:

It cannot be disputed that intention is a matter of inference. The deliberate use by some men of dangerous weapons at another leads to the irresistible inference that their intention is to cause death. This inference should therefore make it a simple matter to come to a decision as to intention, in any case, such as the present, where the weapons used by the appellants were deadly weapons and where the person killed was struck more than one blow. In actual practice however it is frequently a matter of considerable difficulty to arrive at a conclusion by application of this principle in view of the close connection that the Penal Code makes between intention and knowledge. The provisions relating to murder and culpable homicide are probably the most trickly in the Code and are so technical as frequently to lead to confusion. Not only does the Code draw a *distinction between intention and knowledge but subtle distinctions are drawn between the degrees of intention to inflict bodily injury.*

[22] Selanjutnya hakim yang arif itu menambah kata:

Whether the offence is culpable homicide or murder depends upon the degree of risk to human life. If death is a likely result, it is culpable homicide; if it is the most probable result, it is murder. Illustration (d) of s 300, Panel Code is a case of this description. Where the offender knows that the particular person injured is likely, either from peculiarity of constitution, immature age, or other special circumstances, to

be killed by an injury, which would not ordinarily cause death, it is murder. Illustration (b) of s 300, Panel Code is a good example. The essence of (b) and (3) is this. It is culpable homicide if the bodily injury intended to be inflicted is likely to cause death; it is murder, if such injury is sufficient in the ordinary course of nature to cause death. Illustration (c) given in s 300, Penal Code is an example. It is on a comparison of these two limbs of s 299 and s 300 that the decision of doubtful cases as the present must generally depend. The distinction is fine, but noticeable. In the last analysis, it is a question of degree of probability.

[23] Memandangkan keadaan kes ini yang sudahpun saya huraikan di atas, pada hemat saya, darjah kemungkinan atau kebarangkalian untuk menyebabkan kematian dalam kes di hadapan saya ini tidak sampai pada tahap kesalahan bunuh di bawah s 302 KK.

[24] Ini membawa saya sekarang untuk menyentuh kesalahan homisid salah yang tidak terjumlah kepada pembunuhan yang boleh dihukum di bawah s304 KK. Sebagaimana yang telahpun saya nyatakan di awal tadi, di peringkat ini saya sudahpun berpuashati dan tidak ada keraguan langsung bahawa tertuduh yang menyimbah minyak petrol ke badan si mati dan menyalakan api yang menyebabkan kebakaran ke atas tubuh si mati pada hari dan masa yang berkenaan. Disebabkan oleh perbuatan tertuduh, si mati kemudiannya telah meninggal dunia. Perbuatan tertuduh ini nyata merbahaya dan dia wajar semasa melakukannya, mengetahui bahawa perbuatan itu mungkin menyebabkan kematian si mati. Berhubung dengan ini, undang-undang telah digubal bahawa hukuman bagi kesalahan melakukan homisid salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh orang adalah diperuntukkan di bawah s 304 KK. Menurut peruntukan ini, barang siapa melakukan homisid salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh orang hendaklah dihukum:

(a) dengan penjara yang boleh sampai dua puluh tahun dan bolehlah juga dikenakan denda, jika perbuatan yang menyebabkan kematian itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan kematian, atau hendak menyebabkan sesuatu bencana tubuh yang mungkin menyebabkan kematian; atau

(b) dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya, jika perbuatan itu dilakukan dengan mengetahui bahawa perbuatan itu mungkin menyebabkan kematian, akan tetapi dengan tiada apa-apa niat hendak menyebabkan kematian, atau sesuatu bencana tubuh yang mungkin menyebabkan kematian.

[25] Dari peruntukan s 304 di atas, dapat disimpulkan bahawa terdapat dua bentuk hukuman bagi seseorang yang melakukan kesalahan mematikan orang dengan salah iaitu:

(1) Penjara selama tempoh yang boleh sampai dua puluh tahun dan denda bagi perbuatan yang dilakukan dengan niat hendak menyebabkan kematian atau perbuatan yang dilakukan dengan niat hendak menyebabkan bencana tubuh yang mungkin menyebabkan kematian.

(2) Penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun atau denda atau kedua-duanya bagi perbuatan yang dilakukan dengan pengetahuan bahawa ia boleh menyebabkan kematian. Bagi bahagian ini seseorang itu tidak mempunyai niat untuk menyebabkan kematian atau satu bencana tubuh yang mungkin menyebabkan kematian.

[26] Setelah saya menimbangkan semua keadaan dan fakta kes di hadapan saya ini serta juga keterangan pakar-pakar iaitu SP8, SP9 dan SP10 dan berpandukan kes *Tham Kai Yau v Public Prosecutor* yang telah saya rujuk sebentar tadi, pada hemat saya, pada penutup kes pendakwaan terdapat keterangan yang kukuh untuk menunjukkan bahawa perbuatan tertuduh itu telah dilakukan olehnya dengan niat hendak menyebabkan satu bencana tubuh yang mungkin menyebabkan kematian ke atas si mati. Dengan kata lain, pada hemat saya, darjah kemungkinan atau kebarangkalian untuk menyebabkan kematian dalam kes ini sungguhpun tiada pada tahap kesalahan bunuh di bawah s 302 KK tetapi sebaliknya adalah mencukupi pada tahap kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan bunuh. Dari sini dapatlah dilihat dengan jelas, pada hemat saya, bahawa pihak pendakwaan di peringkat penutupan kes pendakwaan telah berjaya mewujudkan suatu kes *prima facie* terhadap tertuduh bagi kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 304(a) KK. Dalam kes *Public Prosecutor v Nik Mohd Nik Embong* [2004] 4 CLJ 426, Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa mahkamah mempunyai kuasa di bawah s 158(1) Kanun Acara Jenayah ('KAJ') untuk meminda sesuatu pertuduhan seandainya terdapat kes *prima facie* bagi suatu kesalahan yang lain walaupun pihak pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie* bagi pertuduhan asal. Dengan yang demikian itu, bertindak di bawah s 158(1) KAJ saya memerintahkan supaya pertuduhan asal terhadap tertuduh di bawah s 302 KK diperturunkan kepada kesalahan dibawah s 304(a) KK. Pertuduhan pindaan ini adalah sebagaimana yang berikut:

> Bahawa kamu pada 21 Jun 2001, jam lebih kurang 6.30 petang, di rumah alamat No 17, Jalan Mutiara 7, Taman Bertuah, Ulu Tiram di dalam daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor Darul Ta'zim, telah melakukan kesalahan homisid salah yang tidak terjumlah kepada pembunuhan, iaitu meyebabkan kematian bunuh keatas Loh Shin Seng, No K/P: A0404858, secara menyimbah minyak petrol kebadan si mati dan menyebabkan api ternyala sehingga tubuh badan si mati terbakar yang mana kamu tahu perbuatan kamu itu mungkin menyebabkan kematian, dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum dibawah s 304(a) Kanun Keseksaan.

[27] Seterusnya saya telah memerintahkan pertuduhan pindaan ini dibaca dan diterangkan kepada tertuduh. Tertuduh telah mengaku salah. Fakta kes telah dibaca kepada tertuduh dan dia faham serta mengakui benar segala fakta yang dikemukakan itu. Saya telah berpuas hati bahawa tertuduh telah faham sifat dan akibat pengakuan salah tersebut. Saya juga berpuas hati tertuduh

mengakui sepenuhnya fakta yang dibentangkan itu. Dengan yang demikian saya telah menerima pengakuan salah tertuduh dan seterusnya saya mensabitkan tertuduh terhadap pertuduhan pindaan di bawah s 304(a) KK.

[28] En RK Menon dalam rayuannya untuk meringankan hukuman tertuduh telah menyatakan bahawa tertuduh mengaku salah *'at the first available opportunity'* bagi kesalahan homisid salah yang tidak berjumlah kepada pembunuhan. Menurut En Menon lagi, bagi kepentingan anak-anaknya tertuduh tinggal bersama si mati untuk menjaga mereka sungguhpun si mati kerap kali telah melakukan kekerasan fizikal terhadap tertuduh. Beliau seterusnya menyatakan bahawa tertuduh telah menyesal atas perbuatannya itu dan memohon belas kasihan mahkamah dalam menjatuhkan hukuman. Puan Valerie pula dalam penghujahannya menyatakan walaupun ini adalah satu peristiwa yang amat malang sekali di antara tertuduh dan bekas suaminya, simati, namun tertuduh telah melakukan kesalahan yang serius kerana perbuatan tertuduh telah menyebabkan satu kematian. Beliau menambah kata mahkamah perlu juga mempertimbangkan kepentingan awam dalam menjatuhkan hukuman selain menimbangkan rayuan untuk meringankan hukuman sebagaimana yang telah dikemukakan oleh tertuduh.

[29] Dengan hormatnya saya bersetuju apa yang dikatakan oleh Visu Sinnadurai H dalam kes *PP v Ravindran* [1993] 1 MLJ 45 bahawa s 304 KK memberi mahkamah budi bicara yang meluas untuk menentukan tempoh pemenjaraan. Hakim yang arif itu juga menyatakan bahawa suatu aspek penting hukuman adalah kepentingan awam. Tidak boleh dipertikaikan lagi bahawa kepentingan awam adalah faktor utama dalam penghukuman sebagai memberi satu pengajaran kepada tertuduh dan perlindungan kepada masyarakat sebagaimana yang diputuskan dalam kes *Rex v Kenneth John Ball* 35 Cr App R 164:

> In deciding the appropriate sentence a court should always be guided by certain considerations. The first and foremost is the public interest. The criminal law is publicly enforced, not only with the object of punishing crime, but also in the hope of preventing it. A proper sentence, passed in public, serves the public interest in two ways. It may deter others who might be tempted to try crime as seeming to offer easy money on the supporition, that if the offender is caught and brought to justice, the punishment will be negligible. Such a sentence may also deter the particular criminal from committing a crime again, or induce him to turn from a criminal to an honest lift. The public interest is indeed served, and best served, if the offender is induced to turn from criminal ways to honest living. Our law does not, therefore, fix the sentence for a particular crime, but fixes a miximum sentence and leaves it to the court to decide what is, within that maximum, the appropriate sentence for each criminal in the particular circumstances of each case.
>
> Not only in regard to each crime, but in regard to each criminal, the court has the right and the duty to decide whether to be lenient or severe.

[30] Saya bersetuju bahawa kesalahan di bawah s 304(a) KK adalah satu kesalahan yang serius di mana hukuman maksimum yang boleh dikenakan

keatas tertuduh ialah 20 tahun penjara. Akibat perbuatan tertuduh satu nyawa telah hilang. Dengan yang demikian tertuduh sewajarnya dihukum diatas kesalahan yang dia telah lakukan.

[31] Walaupun kepentingan awam adalah faktor yang paling penting, mahkamah harus juga mengambil kira fakta-fakta yang dikemukakan oleh tertuduh dalam rayuannya supaya hukuman diringankan. Dalam kes *Mohamed Jusoh bin Abdullah & Anor v Public Prosecutor* [1947] MLJ 130 Willari HB berkata:

> In our view no sentence can be assessed by a simple mathematical formula. Many factors must be taken into account according to the circumstances of attention to the matters which should be taken into account in fixing punishments as set our in *Halsbury's Laws of England* (Hailsham Ed, Vol 9) para 365:
>
> > 'The Court, in fixing the punishment for any particular crime, will take into consideration the nature of the offence, the circumstances in which it was committed, the degree of deliberation shown by the offender, the provocation which he has received, if the crime is one of violence, the antecedents of the prisoner up to the time of sentence, his age and character.'

[32] Dalam kes ini saya mempertimbangkan bahawa telah berlaku satu pergaduhan antara si mati dan tertuduh sebelum peristiwa ini berlaku. Berdasarkan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan saya juga mendapati bahawa si mati telah memukul tertuduh sebelum tertuduh menyimbah minyak petrol ke badan si mati. Pada pandangan saya, tertuduh telah melakukan perbuatan yang sedemikian akibat daripada emosinya yang tertekan dan perasaan marahnya terhadap si mati. Tertuduh juga telah mengaku salah apabila Mahkamah meminda pertuduhan terhadapnya. Pada hemat saya, ini juga menunjukkan bahawa tertuduh telah benar-benar insaf di atas kesalahan yang telah dia lakukan.

[33] Setelah saya menimbangkan semua faktor yang di atas, saya berpendapat bahawa hukuman yang sesuai dan wajar terhadap tertuduh dalam keadaan kes ini ialah penjara lapan tahun dari tarikh dia ditangkap.

Tertuduh dijatuhkan hukuman penjara lapan tahun dari tarikh ditangkap.

Dilaporkan oleh Eugene Louis